Tuan Pengerusi: *Okay, so we focus on this because the major concern. Because we see 20 to 30 itu is quite normal. Not normal but in most cases to be justified. Address alamat lebih sepuluh orang itu amat genuine. My kampung actually Tambunan, kami sepuluh adik-beradik semua jantan, beranak pun kuat so pakai alamat kampung, tiada alamat rumah itu dekat 70 tetapi genuine. Some have pindah tetapi some maintain mengundi di Tambunan. So we have decided to focus 50 and above and 100 and above and look at the trend.* Kami sudah buka yang kampung punya kalau macam di Sabah di Belaga, *100% people will know each other* walaupun dalam satu kampung itu 600 *because dia pakai satu kampung di Belaga. You see. So kalau sebelah perbukitanlah.*

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kalau di Sarawak sama juga.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, saya hendak masuk sedikit dalam perkara yang Tuan Pengerusi bangkitkan ini iaitu pembersihan daftar pemilih. Secara khususnya sub-topik tentang pembersihan daftar pemilih bagi alamat yang mempunyai terlalu ramai pemilih berdaftar. Saya kira dalam menyiapkan laporan yang terakhir ini, kita hendak tahu juga komitmen daripada SPR apakah langkah-langkah yang diambil untuk membersihkan daftar pemilih. Kalau tidak, cadangan-cadangan yang kita kemukakan ini tidak akan memberikan sebarang kesan yang positif, kalau ianya tidak disusuli dengan tindakan yang proaktif. Sebagai contohnya, beberapa bulan yang lalu apabila SPR bangkitkan tentang 42,000 pemilih yang diragui yang telah pun dipamerkan kepada awam selama hampir tiga bulan. Kemudian SPR bersetuju untuk mengeluarkan nama-nama mereka daripada daftar pemilih induk. Akan tetapi apakah tindakan yang diambil sehingga hari ini. Belum lagi. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi.

Yang kedua begitu juga dengan senarai yang dikeluarkan oleh MIMOS. Oleh kerana SPR sebelum ini mengambil usaha mengatakan mereka membersihkan daftar pemilih secara berterusan tetapi mengapa tidak terkesan perkara-perkara seperti ini. Kalau MIMOS boleh mengesan dalam tempoh yang begitu singkat, saya percaya SPR juga setelah diwujudkan puluhan tahun mampu membersihkan daftar pemilih tetapi ini juga tidak berlaku.

Bagi senarai yang dikeluarkan oleh MIMOS sebanyak 79,000 alamat yang digunakan oleh 100 pemilih bagi satu rumah belum masuk lagi yang di antara 50 hingga 100 yang Tuan Pengerusi sebutkan tadi. Jadi ia mungkin mencecah ratusan ribu pemilih yang diragui. Jadi inilah yang menjadikan rasa kecewanya kerana tidak ada usaha bersungguh-sungguh untuk membersihkan. Sebagai contoh di muka surat 6, Tuan Pengerusi, Gombak sahaja jumlah pemilih yang menggunakan alamat yang sama lebih daripada 100 orang ada 1,017 dan tidak ada alamat.

Saya faham kalau di Tambunan ataupun mungkin di Belaga, tetapi Gombak setiap rumah ada lot, setiap rumah ada nombor, ada jalan, ada taman – 1,017 tidak ada alamat. *I mean how do I except role* yang begini? Ini yang kita bahaskan sudah enam bulan. Jadi kita hendak tahu juga sebelum kita siapkan laporan yang terakhir ini, apakah komitmen SPR untuk membersihkan daftar pemilih. Sebab kalau tidak rakyat akan tolak keputusan pilihan raya yang akan datang sekiranya daftar pemilih yang digunakan itu daftar pemilih yang kotor dan tidak bersih. Ini bukan tuduhan atau dakwaan yang tidak berdasar. Kita setuju untuk melantik MIMOS sebagai satu badan yang agak bebas dan profesional untuk membantu dan dalam masa yang singkat MIMOS telah mengesani perkara-perkara ini.

■1710

Mengapa SPR tidak mewujudkan satu sistem yang lebih efektif untuk mengesani perkara-perkara ini? Oleh sebab MIMOS telah membantu mengesani, jadi kita hendak tahu apa langkah SPR untuk membersihkan ini? Apakah hendak membiarkan ini sehingga selesai PSC, selesai perbahasan? Jadi, apakah langkah penambahbaikan untuk membantu ini?

Tuan Pengerusi: Okey. Itu sebenarnya sebahagian termasuk di dalam cadangan kita untuk pihak SPR. Bagi yang tentera ini, belum masuk yang perihal bertindih alamat ini. Memang kami akui bahawa ada beberapa sebab ini terjadi:

- (i) Alamat tidak sempurna sebab barangkali dia daftar dahulu itu sudah lama
sudah;
- (ii) Kita bilang terlampau umum seperti rumah kampung, rumah pangsa,
rumah panjang. Akan tetapi ini lebih relevan kalau di Sabah, Sarawak dan
luar bandar; dan
- (iii) Pendaftaran pemilih dikongsi seperti alamat asal kelahiran yang tidak
dipinda.

Akan tetapi ada yang terminologi, *point* ini, alamat pendaftaran pinjaman ini. Di sini yang mengikut disyaki. Kami cadangkan dua perkara:

- (i) soal pembersihan ini hendaklah berterusan. *We are suggesting actually multi parties system within di bawah Suruhanjaya atau pun kalau boleh di bawah Parlimen. So, otherwise continue this kind of work. This is professional work to help;* dan
- (ii) MIMOS return the database back to SPR.

Kalau di kalangan dua agensi sahaja ini saya rasa tidak akan selesai. Lagipun lebih banyak—*So, kita mahu fikir. Satu, Jawatankuasa berterusan yang terbuka kepada awam, scrutiny seperti di dalam. Itu satu dari segi ini. We can rope in, it can be inter party within SPR to meet twice a year for instance, jawatankuasa tetap di situ, all parties to scrutinize.*

Kedua, yang kira-kira 120,000 ini kerana yang 50 dan 100 ke atas *is about 120,000* kalau kira yang belum masuk lagi yang 50 ke bawah itu. *This one, we want to propose* satu langkah *open to public but then, they say you tidak boleh pamerkan.* Akan tetapi kami bilang yang 42,000 dahulu, *how did you pamerkan? They say, they have to bend the rules a bit. We thought open it to the public to beri mereka update mereka punya alamat.* Ada satu cadangan lagi, *link dengan JPN and find the name of these guys.* MIMOS boleh bantu itu *and put in the alamat of that guy,* kalau alamat dia di dalam *locality* itu. *It is because barangkali alamat sudah pindah, dia masih sana, gunakan alamat itu and then the rest tolak itu, I think for public display.* Akan tetapi kalau kamu bilang perundungan tidak membenarkan *public display and then we have to ask the heaven what else we can do.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, saya menyambut saranan Tuan Pengerusi. Kalau SPR mendakwa tidak boleh buat *public display*, kita hendak tahu juga peruntukan mana yang menghalang perkara itu. Ini kerana yang 42,000 itu SPR buat *public display... [Disampuk]* Tidak buat? Buat bukan? SPR yang buat. Jadi, tidak konsisten. Jadi, bagaimana SPR hendak yakinkan kami dalam PSC ini. *You are serious about it.* Ada masa *you* boleh buat *public display*, ada masa *you* kata tidak boleh. Itu jelas. Pertama.

Kedua, setelah buat *public display*, peringkat awal dahulu kata, “*Okey, kita tidak ada kuasa untuk mengeluarkan nama.*” Akan tetapi SPR juga beritahu setelah *public display*, maka tidak ada yang tampil kita boleh *remove* 42,000 nama. Tidak konsisten juga. Rumah ibu saya, bila ada 11 pengundi, ada Cina, ada India, ada Melayu, Pengerusi SPR sendiri maklumkan dalam mesyuarat di sini mengatakan, “*Okey, kami sudah keluarkanlah nama-nama Cina dan India itu.*” Boleh pula. Jadi, saya tidak tahulah peruntukan mana yang digunakan. Tidak konsisten Tuan Pengerusi.

Oleh sebab itu, saya tidak tahulah *recommendations* ini apakah benar-benar akan dilaksanakan. Kalau benda *basic* ini okeylah, yang saranan Tuan Pengerusi, kita hendak buat suruhanjaya. Okey. Itu boleh kita cadangkan. Akan tetapi benda yang sudah ada hadapan kita sekarang ini dengan bantuan MIMOS, ratusan ribu. Hendak buat apa sekarang ini?

Tidak akan hendak tunggu lagi Suruhanjaya untuk teliti. Jadi, saya setuju dengan Tuan Pengerusi, cuma kita hendak..., apakah bentuk tindakan yang perlu diambil sekarang atas nama PSC untuk kita buat *recommendations* kepada Parlimen.

Tuan Pengerusi: Itu dari segi kami itu tiga cadangan. Cuba respons yang terkini daripada pihak SPR walaupun *so, that at least, we are putting in things that we are going to add.*

Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan) SPR]: Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Azmin. Kalau ditanya dari segi komitmen, saya berani katakan komitmen 100%. Cuma masalahnya sekarang, kapasiti SPR, kami membawa data-data 50 tahun yang lalu sehingga 2002. Apabila kita menggunakan Sistem ALIS, baru kita nampak banyak yang tepat. Sebelum itu banyak sangat yang kita *inherited* sampai sekarang. Jadi, dengan kata lain, kami berkehendakkan kepada kerjasama semua pihak. Kalau Yang Berhormat Azmin ada data, datang. Yang Berhormat Loke pernah datang. Jadi, kami akan bertindak kepada apa yang dijumpai oleh pihak luar dan juga pihak dalaman SPR sendiri. Ini *sincerely* saya cakap, dengan suci hati, dengan hati yang bersih. Maknanya, kami mengalu-alukan sekiranya terjumpa apa-apa fakta yang agak silap, bertindih dan sebagainya, laporkan, serta-merta kami buat tindakan.

Saya ada pegawai ICT saya, Pengarah ICT dan juga dua tiga orang lagi pegawai yang memangnya apabila Yang Berhormat Loke datang dahulu dengan buku yang tebal itu, menyebabkan saya terus, dan hasil sudah dilaporkan bagaimana kedudukan yang bilamana kita dapat fakta yang boleh dibetulkan, kita betulkan dan yang mana tidak boleh, yang berkaitan dengan undang-undang, itu kita akan rujuk pula kepada Penasihat Undang-undang.

Berkaitan yang 42,000 untuk maklumat Yang Berhormat Azmin, dahulu dalam Mesyuarat PSC kalau dilihat pada Hansard, ada pendapat yang minta supaya dikaji balik, jangan dikeluarkan. Minta tolong kita kaji balik, dalam Hansard ada ditimbulkan. Berdasarkan kepada teguran tersebut, SPR memikir balik. Betul juga. Nanti kalau apa-apa terjadi, bagaimana kedudukan dari segi undang-undang. Maka itu, kami sedang membuat kajian untuk kenal pasti 100% di mana mereka ini berada, apa kedudukan sebalik 42,000 ini. Ini komitmen SPR. Begitu juga dengan hasil daripada dapatan MIMOS. Kami akan mengambil tindakan untuk menyiasat ke lapangan, *on the ground. Insya-Allah* perkara ini akan kita *reduce* sedikit demi sedikit.

Tuan Pengerusi: So, tiga cadangan itu, *explanatory* punya respons daripada pihak SPR. Satu, yang polis dengan itu kita katakan dalam tempoh 60 hari. Satu, cadangan yang kedua di sini, usaha yang diadakan dengan bantuan MIMOS ini bagus kita institusikan di peringkat SPR termasuk penubuhan satu jawatankuasa *inter party* di situ untuk membantu membersihkan. *I think that can be done by the Commission.*

Ketiga ini, kami *still want to...*, iaitu minta JPN dengan SPR memasukkan alamat yang dalam *locality* itu berasakan kepada data mereka. Mana yang lebih itu, *open for display*.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, respons sedikit kepada komitmen daripada SPR. Kita menyambut baik. Saya boleh terima apa yang dikatakan tadi, memang kita tidak menafikan mungkin ada alamat daripada dahulu-dahulu yang tidak ada alamat penuh dan sebagainya, yang *inherited*. Itu yang pertama. Memang ada mungkin benda itu mungkin daripada fakta sejarah yang daripada dahulu. Akan tetapi kita tidak boleh menafikan juga ada yang mungkin secara konsisten *displanted*. Itu kita tidak boleh menafikan kemungkinan berlaku itu. Akan tetapi apa yang ada di hadapan kita sekarang ialah fakta yang telah ditemukan oleh MIMOS iaitu ada berpuluhan ribu nama pengundi, mungkin ratusan ribu, yang tidak ada alamat. Jadi, apa yang kita syorkan untuk dilakukan ialah kita hendak kalau dibenarkan didaftarkan semula atau *display* nama-nama ini supaya kita hendak cari atau pun hendak *update* alamat-alamat ini. Mungkin ia berpuluhan tahun tetapi tujuan PSC ini ialah supaya kita *update* dan bersihkan.

Kita harap ialah SPR mencari formula bagaimana kita boleh perbaiki nama-nama ini dan bukannya mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan undang-undang sekarang ini tidak membenarkan nama ini dikeluarkan, maka tidak boleh dilakukan apa-apa. Itu sahaja komitmen yang kita minta daripada SPR untuk cari formula yang terbaik bagaimana kita boleh *update* nama-nama ini. Okey.

Tuan Pengerusi: So, dalam laporan itu kita akan *the final wording* supaya komitmen ditunjukkan atau dijalankan untuk membersihkan keseluruhannya, semua yang telah pun dibangkitkan melalui kajian MIMOS itu sendiri.

■1720

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, bagi membantu proses pembersihan ini saya hendak dapat penjelasan oleh SPR, boleh *display* atau tidak boleh *display*?

Tuan Pengerusi: Ya, sila *Council*.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff [Penasihat Undang-undang SPR]: Tuan Pengerusi, undang-undang tidak menghendaki benda-benda ini dipamerkan. Jadi tidak menghendaki, apabila kita pamer dan kita potong nama itu, itu bahaya. Akan tetapi, jika dipamerkan atas usaha inisiatif bagi mendapatkan maklumat tidak ada salahnya tetapi atas informasi yang kita *display* itu kita potong nama itu bahayalah. Ini kerana ia melibatkan hak seseorang itu *because* undang-undang hanya membenarkan nama daftar pemilih tamat sahaja dipamerkan dan untuk di bantah dan dituntut ya.

Bagi Daftar Induk pula, nama yang boleh dipotong adalah nama yang meninggal dunia ataupun hilang kewarganegaraan. Dua jenis sahaja *other than that* tidak boleh.

Apa yang SPR buat apabila didapati terlalu ramai nama, cadangannya ialah untuk memaklumkan kepada *public* dapat *feedback*. Akan tetapi, sekiranya *feedback* itu melibatkan kesan yang tidak boleh dipastikan hingga kita memotong nama, tindakan itu salah dari sisi undang-undang kerana *once* nama ada di dalam itu, kalau ia tidak jatuh di bawah sebab-sebab di mana ia dipotong kita tidak boleh potong *other than that reason*. *That would be very risky* lah dan salah dari segi undang-undang.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, maksudnya boleh *display* kalau untuk setakat hendak tunjukkan atau meminta orang itu datang *update* ataupun untuk pemeriksaan orang awam boleh *display* ya.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Ini tiada dalam undang-undang, tetapi sekiranya mahu dibuat *is not against the law but be careful...*

Tuan Loke Siew Fook: *It is possible* lah?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: *It is possible, that's why* SPR buat tetapi *make sure that* keputusan ataupun maklum balas daripada orang ramai itu. Ia macam ini ya Tuan Pengerusi, contohnya, macam kita buat di mahkamah *if we have the provision in law now, but we don't have that*. Contohnya, penyerahan ganti. Kalau kita kata kita letakkan di hadapan rumahnya dan kita pos sahaja dua caranya itu *if within 40 days* tidak ada itu, *is assume to be served*. Begini juga kalau kita ada satu peruntukan bahawa apabila nama ini telah di pamerkan untuk tempoh dua minggu dan jika tidak ada apa-apa maklum balas kalau undang-undang itu membenarkan SPR memotong nama atas alasan itu dengan syarat boleh masukkan semula mungkin boleh. Akan tetapi, tidak ada peruntukan sedemikian.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Itu yang saya kira salah satu saranan dalam Jawatankuasa seperti ini. Kalau SPR boleh membantu memberitahu ada keperluan untuk menguatkuasakan ataupun buat pindaan ataupun mengenakan satu undang-undang peraturan, cadangan itu harus dikemukakan jadi boleh kita *support* cadangan itu, itu yang pertama. Kedua ini yang disebut oleh saudara Azhar ialah tadi ialah soal ialah inilah saya bukanlah peguam tetapi ini soal bacaan peruntukannya. Maknanya, tidak mengehendaki SPR untuk pamer tetapi bolehlah pamer. Sekiranya ada kes-kes khas seperti ini. Bagi kepentingan negara dan kepentingan SPR saya ingat dibolehkan. Baik.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Kita akan cuba mengubah keseluruhan *regulation* ini sebab banyak kelemahan ya. Dalam proses sedang kita sedang buat *the whole thing*. Salah satu cadangan yang saya cadangkan adalah sekiranya masalah yang SPR sering hadapi tetapi tidak boleh potong kerana undang-undang tidak membenarkan *we should have that kind of provision* ya. Itu untuk makluman kita akan ke arah itu.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey, dan soalan susulan bagaimana yang nama-nama pengundi Cina dan India dalam rumah emak saya itu boleh dipotong?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Itu tidak potong Yang Berhormat, itu kita panggil mereka untuk tukar alamat, dia datang untuk memohon. Dia macam itu *the only way is for that person to change the address*. Fasal itu kita boleh tukar kerana dia sendiri yang tampil untuk tukar *then* kita boleh potong nama dia di alamat asal.

Tuan Pengerusi: *Then* okey.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bolehkah tidak pada ketika itu SPR patut bertanya menjadi satu kesalahan ia menggunakan alamat palsu sebelum itu menggunakan alamat nombor 1E Kampung Klang Gate.

Tuan Pengerusi: Masukkan itu dalam ucapan sini.

Encik Harun Che Su: Sebenarnya dalam surat khabar itu sudah keluar cerita itu Yang Berhormat. Di mana tersilap lokaliti dua terlalu dekat sangat alamat itu bertindih sampaikan posmen hendak hantar surat ke rumah Cina itu pergi ke rumah Yang Berhormat Gombak. Sama juga ceritanya daripada rumahnya pergi sampai sana jadi benda ini kami sudah siasat memang betul-betul berlaku bahawa alamat itu menimbulkan satu kekeliruan.

Tuan Pengerusi: Nombor satu dan nombor tujuh.

Encik Harun Che Su: Itu dia.

Tuan Pengerusi: Selang satu jalan selalu itu.

Encik Harun Che Su: Jalan Klang Gate satu lagi...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Saya bantu jelaskan saya baca kenyataan Pengerusi SPR dalam temu ramah dalam Mingguan Malaysia memberitahu oleh kerana bacaan itu terlalu dekat dan mungkin posmen silap. Saya jelaskan dalam PSC juga. Dia satu kampung Klang Gate, satu lagi jalan Genting Klang. Jauh jalan kaki tidak boleh naik kereta. Jalan Genting Klang dalam Wilayah Persekutuan. Kampung Klang Gate dalam negeri Selangor. Dua negeri yang berlainan, dua daerah yang berlainan kedudukannya terlalu jauh. Mungkin tidak. Naik kereta saya ingat dalam 15 minitlah tetapi Jalan Genting Klang di dalam Wangsa Maju, Wilayah Persekutuan. Akan tetapi, tidak mengapalah cuma maknanya sekarang ini kalau kita pamerkan 100,000 nama ini yang tidak sepatutnya ada di dalam alamat itu dan kalau kita boleh bantu SPR dan patutnya ada usaha untuk membersihkan. Sebab macam di Gombak...

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Dia dengan rela itu tukar macam ke situ *we can do that no problem until the law is amended*. Kalau kita dapat dalam 100,000 itu dia orang tampil ke hadapan mengatakan bahawa alamat itu silap dan ingin mengubah dengan rela hati kita boleh potong dengan sendirinya...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau dia tidak rela?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Ya?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau dia tidak rela?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: It's an offense.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Offensekan cuma tidak ada enforcement lah sekarang.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Cuma kita tidak tahu apa faktanya Yang Berhormat.

Katalah macam kes yang tadi *you address* itu sebab dia sendiri *fill in the form on his own will relied* so kita tidak ada fakta. Kita tahu dia ubah dia punya alamat itu mengikut undang-undang dan kita benarkan penukaran...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Dalam laporan kami, kami hendak perketatkan itu bila tukar habis. Terima kasihlah Yang Berhormat Gombak kerana menekankan tindakan *respond* yang sebelah sana. So, tiga cadangan kami di bawah kepala itu.

I just go the rest penggunaan alamat pemastautin pada kad pengenalan sebagai alamat pendaftaran untuk menentukan bahagian pilihan raya. Ini di Sarawak punya itu, kami telah teliti ini dalam soal penggunaan dua alamat. Akhirnya, apabila kita teliti amat sukar untuk melaksanakan satu sahaja kerana akhirnya Perlembagaan mengatakan *it is for them to register themselves and then they have to apply and then the address*. Jadi memang ini amat sukar *young people going to out* pekan kecil, alamat di bandar dan akhirnya satu hari memang *our concern*lah bahawa *voting pattern* akan timbul di mana *less people in the rural*.

Akan tetapi, apa-apa pun yang kita teliti untuk dilaksanakan amat sukar. *So in a way to us* tukar alamat *just before you* hendak daftar balik pergi kampung sebab di sana *you* hendak mengundi *because* orang kata saya kena *tackle trouble to do that*. Jadi kalau Kuchinglah dia punya alamat *last* di IC, bila dia daftar *first time sure* dia beri di Kuching. *Very hard so that at the end of it* masing-masing tukar *address*. Parti politik *I think* ambil ahli kita dan suruh bantu daftar di mana mereka hendak berdaftar dengan perubahan kepada alamat dalam kad pengenalan dengan memanglah berserta dengan *certain circulation* yang perlu. So, Yang Berhormat Kapit kaji ini dalam-dalam amat sukar sekali.

Okey, *fourth* berhubung kelayakan mendaftar sebagai pemilih 18 tahun tetapi belum dapat memohon. Saya sama Yang Berhormat Rasah dia mahu 18, saya mahu 20. Kami katakan cuba pra pendaftaran *20th* and it becomes effective at 21. So SPR have to facilitate how it can be done legally. Dia kata tidak boleh perlu ubah Perlembagaan. Begitu kah?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Menurunkan pra pendaftaran kah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Daftar 20 tetapi effective 21.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: *The law in now is* dia kata, "Mencapai 21 tahun masa tarikh kelayakan". Tarikh kelayakan ditakrifkan di bawah Perlembagaan, tarikh dia memohon. That means kalau kita hendak memohon 20 tahun dia against Perkara 119.

Dia boleh mengundi *after 21 years* tidak semestinya *21 years* dia layak mengundi, tidak. Akan tetapi, mendaftar itu dia hanya layak mendaftar apabila mencapai umur 21 tahun pada tarikh dia pergi memohon. So, dalam perkara ini kalau kita hendak mengawalkan permohonan mereka ketika berumur 20 tahun, so ia adalah berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi: So...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Akan tetapi, kita boleh tolong. Kita boleh tolong dia boleh isi borang itu pada umur 20 tahun. Akan tetapi kita kuatkuasakan pada 21 tahun...

■1730

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Tarikh kelayakan itu...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *We can ask him to take that on the date of his birthday.* Akan tetapi dia boleh *apply before that*.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: *No. Legally, it cannot been done that way. Because, kalau hendak buat secara administratively, it is obviously go against* Perlembagaan Persekutuan. Secara pentadbirannya, setahun itu hendak simpan berkemungkinan ada pelbagai masalah di situ.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Boleh pinda Perlembagaan..., boleh bukan?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Ia punya itu adalah pinda...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau SPR syorkan, pinda Perlembagaan.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Ya, pinda Perlembagaan.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kita buat *automatic registration*.

Tuan Pengerusi: Automatik belum tetapi turun pada 20 tahun. *[Ketawa] [Disampuk]* Eh!Janganlah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita ambil *half way* lah.

Tuan Pengerusi: Orang Sabah kata, selagi belum bersih, automatik...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: ...Bila ini?...Tidak masuk lagi...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang itu lain, lain.

Tuan Pengerusi: Yang itu sudah – dalam proses. *It will be...* *[Disampuk]*.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Sabarlah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Dr. Hatta, you are fighting...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Itu hari bos sudah memberitahu, kata sudah *on*.

Tuan Pengerusi: Yes. *We want* begitu. Masa akan datang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Itulah Yang Berhormat,..

Tuan Pengerusi: Dalam masa terdekat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...Saya fikir kita ambil *half way*.

Tuan Pengerusi: Kalau saya pun...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Umur 20 tahun, kita buka. Umur 21 tahun, automatik. Habislah. *Half way lah.* Serupa sahaja.

Seorang Ahli: Perlembagaanlah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Of course.* Kita pinda Perlembagaan. *What I am saying,* kita pinda Perlembagaan *because* kita sekarang ini, kita membolehkan orang untuk mendaftar umurnya 21 tahun. Bermakna dia 21 tahun, dia mendaftar, dia automatiklah menjadi pemilih. Okey, *so what is wrong* kalau dia berusaha datang awal sedikit, awal satu tahun, dia mendaftar. *Then bila umurnya meningkat 21 tahun, dia automatiklah.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, usaha mendaftar itu adalah tarikh kelayakan, definisinya umur 21 tahun, baru dia usaha itu dia boleh pilih.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita pindalah Perlembagaan.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey, saya bersetuju. Apabila hendak pinda, alang-alang pinda, pinda 18 tahun... *[Ketawa]* Umur 21 tahun, ke 18 tahun.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini isu lain...

Tuan Pengerusi: Beri dia selesaikan universiti dahulu, belajar, cari kerja.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Belajar dahulu, belajar dahulu.

Tuan Pengerusi: Di bawah tanggungan bapa lagi itu kalau 18 tahun bukan. *So, what about we came to this 21 years. How to facilitate, maybe have to* ubah Perlembagaan atau peraturan interpretasi bahawa dia boleh mendaftar pada 20 tahun dan kelayakannya mengundi pada 21 tahun. *So, either* peraturan ataupun *we* ubah *the* Perlembagaan.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Sekarang ini saya mohon *Commission* ubah Perlembagaan. Sama ada isu antara layak mendaftar dalam mengundi itu isu yang berbeza, Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *I think* Tuan Pengerusi, saya rasa isu itu tidak perlu Perlembagaan, *this business of indelible ink. Also it is against the Perlembagaan, but AG just decided, we can do it... [Disampuk] No, I mean...*

Tuan Pengerusi: *No, if you...*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *No. The Perlembagaan say, you cannot letak any condition before you vote, it illegible the vote. You cannot letak any condition and that was a big discussion. The AG said okay, we issue a regulation.*

Tuan Pengerusi: *Okay, anywhere, let it sink in.* Nanti kita lawat ini esok atau lusa. Sebelah kami sini, *still on Jawatankuasa, would like daftar or preliminary daftar 20 tahun, layak pergi 21 tahun. Cari jalan, how to make it possible..., make it...*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *I think Tuan Pengerusi, saya rasa itu satu pandangan yang baik. You cari bagaimana kita dapat melaksanakan cadangan ini yang terbaik supaya dia mulai mendaftar apabila berumur 20 tahun dan akan mengundi apabila sahaja sampai umur 21 tahun. Terima kasih.*

Tuan Pengerusi: *If it means ubah, ubahlah. Akan tetapi we want to put that one. Alright. Nombor 4 itu. Nombor 5, pendaftaran secara automatik. Ini untuk jangka panjang. Pandangan kami belum tersedia selagi pembersihan itu belum complete dan isu-isu khususnya di peringkat negeri Sabah yang mana dikatakan kalau diragui kelayakan. Jadi, kalau dia terus mendaftar, double kesusahan. Sudah tidak layak, masuk lagi jadi pengundi. Jadi, keraguan itu perlu diatasi dahululah. So, we put it there. For long-term, maybe we want to be looking at it like that tetapi selagi isu pembersihan dan ini RCI bagi negeri Sabah ini belum selesai, we are not prepared for the moment.*

Nombor 6, terakhir. Daripada kami, pengundi yang telah diperakui melalui aduan atau maklum balas daripada parti politik/pertubuhan. Bantahan terhadap... [Disampuk]

Apakah kita di sini sudah unlock?... [Disampuk] We are suggesting go back to six years ago, senarai 'A' boleh bantah, berdasarkan pada DPI lah. Because I think itu keputusan mahkamah, it is only you cannot challenge it, if it is used for the election. Dalam bila-bila in between election kita pamer, nothing can stop senarai A, because ada yang tidak betul di situ. Ada orang mati, you still belum dibuka. It will help you to clear it up. Or we happen to know this guy now memang dia bukan orang Malaysia, masih di sana. And I show you a bukti. Therefore, senarai A during that process of bantahan, should be allowed, this is our pandangan. [Disampuk] Okay. We put it inlah, because... [Disampuk] I think it is part of transparency processlah. We are telling you, we are asking you anyway. If you have the bukti, tidak ada bukti you cannot buang orang.

Seven, we want perketatkan ini statutory declaration ini. Kami melihat borang permohonan pinda alamat, ada juga di bottom sana mengatakan kalau maklumat tidak betul, tindakan akan diambil di bawah undang-undang seksyen tertentu. We are suggesting dalam begitu juga SPR apabila dia hendak apply pinda alamat, ada sebenarnya di bawah sana bahawa maklumat itu hendaklah tepat dan boleh diambil tindakan. So, I think perjelaskan. Satu di bawah akta statutory declaration, satu di bawah akta masing-masing. Kalau palsu, kena ambi tindakan. All these people yang pura-pura buat ini, kalau tidak ada..., lihat di London itu bukan, "You can be jailed for this". Sedikit-sedikit "You can be jailed for this. Two weeks I can be challenged for this". Sebab I think they really do it. Akan tetapi kalau kita tidak ambil kira sini...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...Jel kalau dia tidak buat.

Tuan Pengerusi: Tidak buat. So, I think perketatkan. Barulah yang palsu-palsu....
[Disampuk]

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Tidak ada orang report.

Tuan Pengerusi: Tidak ada orang *report*? Sudahlah Yang Berhormat Rasah. Dia kata *in the past*, pindaan *race* semua ini walaupun salah *nobody report*. So, *next time*, kalau hendak orang palsu pinda alamat, bukan betul dia tinggal sana, dia pinda mengundi, dalam *actual* borang itu mengatakan kalau palsu itu ada tindakan seksyen tertentu. Akan tetapi dia kata tidak ada orang lapor.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, saya sudah melaporkan. Saya sudah laporkan. Saya even lapor ada dua orang Pendaftar, Pejabat Pendaftar di Negeri Sembilan. Dua kes yang telah dibuang oleh Pengarah Pilihan Raya Negeri, kata dia mendaftarkan orang yang mati. Akan tetapi belum nampak ada tindakan daripada SPR.

Tuan Pengerusi: Tidak ada *charge? These are kind of things we are suggesting*. Ambil tindakan undang-undang.

Tuan Loke Siew Fook: Banyak kes sekarang ini. Saya kes sudah dibuktikan bahawa memang orang itu tidak ada pakai alamat itu tetapi perlu laporan polis setiap kes.

Tuan Pengerusi: *So, okay. Itu sahaja daripada kami... [Disampuk]* Diterima semuanya.

Tuan Loke Siew Fook: Kes yang saya sudah laporkan bagaimana? Ada dua kes yang saya sudah laporkan terhadap dua orang penolong pendaftar di Negeri Sembilan.

Tuan Pengerusi: Okey. Itulah tujuh kepala.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: *I have to check with our...*

Tuan Pengerusi: Itulah tujuh kepala daripada kami. Saya lihat lima boleh terima, dua barangkali mereka hendak berunding balik, bincang. Nanti kita bincang.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Yang lain itu tidak perlu bincanglah.

Tuan Pengerusi: Ya. So, yang lain ini kita ada salinan. *Can we come back; put your comments by tomorrow, by Thursday. We have the listing of already*lah.

Seorang Ahli: *Oh! You* mahu baca dahulu, ya.

Tuan Pengerusi: Ya. Mereka mahu baca dahulu.

Tuan Loke Siew Fook: *Chairman, what is the mechanism?*

Tuan Pengerusi: *We think in Thursday* mula awal. Dari *lunch time* sampai petang..
[Disampuk] Jam satu.

Seorang Ahli: Memang jam satu.

Tuan Loke Siew Fook: *Chairman*, saya hendak tanya, apakah mekanisme untuk kita edit ayat itu? Kalau kita datang mesyuarat, *then we go line-by-line*, *I think it will take a lots of time*. Apakah ada mekanisme untuk beri kita sebab saya nampak ada ayat-ayat yang...

Tuan Pengerusi: Memang, memang.

Tuan Loke Siew Fook: ...Tidak cukup kuatlah bagi saya. Rasanya. *To strengthen the wordings*.

Tuan Pengerusi: No, I think begini, when we come on Thursday, we have already- Thursday when we come, we have already- we proposed even what words to be used. I proposed this subject, I disagree with the way it is put, maybe a priority. So, it is going to be the whole day, sampai malam... [Disampuk] Yes, yes. Bilang I prefer this word, I prefer this word, okey.

Tuan Loke Siew Fook: I think we suggest that, buat dekat PowerPoint.

■1740

Tuan Pengerusi: So, datang on Thursday dengan wording you hendak ubah dan you can just shout out there.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Akan tetapi I think sekarang ini kita punya senarai ini pun belum lagi. We still need to refer it to them. Then baru kita, in fact I think. Okey, atau tidak on Thursday we still read us before we go but then the final one itu yang kita ubah words, some other words itu, if not happy and then di kalangan kita. Boleh, ada one week more. We can call the following one next Monday. Next Monday.

Itu macam tadi Yang Berhormat Gombak still tanya dia, dia mahu put them understand. I think we still can do that on Thursday tetapi on Monday we have the ordering sama itu wording refinement, kita-kita sahaja... [Disampuk] Ya, ya. Okey.

So, dengan itu sila baca, buat komen dan kita ada satu lagi mesyuarat on Thursday termasuk pegawai-pegawai and after that will be the Yang Berhormat sahaja untuk refinement by Monday, 29th which is still the time notice.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...We hope that Yang Berhormat Gombak will be still be smiling...

Tuan Pengerusi: Of course.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Pada 26 hari bulan. Final meeting is on 26th. Then untuk makluman, I will just clarify with the check standing order untuk makluman semua. Kami pernah gunakan dalam Select Committee before, that there is no such thing as a minority report, it is a overall report but they can be exception that you know so and so did not agree to this something like that. Itu possible tapi we try to elakkan, you know. Few of those I think will be more credible in our report. But there will those that we cannot openly agree but then otherwise bukan hendak, none of us...

Tuan Loke Siew Fook: I think not to...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi..

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, bukannya *I think the words is not disagree. The words is* kita ada pandangan lain.

Tuan Pengerusi: Okey, boleh.

Tuan Loke Siew Fook: *I think it should be allow. I mean, towards that is some of the matter of positions that we have to a doubt.*

Tuan Pengerusi: Betul, betul. Tunggu kita *put caveat*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi satu lagi *the credibility of the report* berdasarkan keupayaan kita untuk mendengar dan mengambil kira semua pandangan. Baru *credible*. Akan tetapi kalau kita mula memilih hanya yang secocok dengan kita, *that is not credible*.

Tuan Pengerusi: Itulah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Walaupun saya hendak cadangkan sekali, tegaskan, semua pandangan daripada awam individu itu penting.

Tuan Pengerusi: Of course. Itulah kita lapor semua.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey. So do not sideline any views.

Tuan Pengerusi: No, no.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Penting kita masukkan dalam laporan ini.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi daripada ratusan itu *we have to filter* mana yang *immediate*, mana yang *implementable*. So, that is why we paparkan semua, *it is in the Hansard, it is in the analysis but we come home with maybe the final dozens, you know. You know we are open. We can talk to the...*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya sedikit ingin menyambung kepada yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak. *Public views, perception on the* kita punya jawatankuasa penting. *Also, in the process of our democratic process we have to have integrity.* Pandangan-pandangan yang berlainan itu mesti kita ambil kira semua. *We have to apply*.

Tuan Pengerusi: Sure, sure. That is why you can say pandangan lain ataupun *we can put a caveat on that particular. I hope not many of those, you see. We are trying to push for common view. After penambahbaikan you all agree...*

Tuan Loke Siew Fook: Kalau *you all agree* tidak ada. Kalau Tuan Pengerusi and the others also agree dengan cadangan, kita tidak ada perbezaan.

Tuan Pengerusi: Ya, betul itu.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Boleh juga kalau *you agree* dengan pendapat kita tidak ada perbezaan pun senang juga kan?

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Begitulah, but I think mencari penambahbaikan *I doubt that many that we can agree with each other. Kalau ada pun, the timing sahaja, long or short term to me.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Dengan kata lain demikian sila baca balik dalam-dalam. *Come back on Thursday with necessary recommendations. If you can submit sebelum itu, ya one o'clock including lunch dulu on Thursday. Then we work the whole afternoon dengan pegawai-pegawai. Monday Yang Berhormat-Yang Berhormat sahaja nanti.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Berapa hari bulan?

Tuan Pengerusi: *Monday is 26th, kenapa..., you not here? Tuesday is it. Tuesday boleh ? Lunch. We have lunch in a private area there. Tuesday 2 o'clock, the whole afternoon.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dia ada acara pagi, ceramah entah apa lagi. Parlimen bersidang. Pukul 2, *on Tuesday*. Itu final kecuali dapat notice, officer standby because I think Datuk Roosme try to put us in for the following Monday for reporting. So we must be on the table by Thursday on the 29th to qualify 2nd April pembentangan. Alright, so, Datuk Roosme inginkan pegawai-pegawai stays behind have a break there near bilik mesyuarat selepas ini.

Seorang Ahli: *Thank you.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Mesyuarat ditangguhkan pada hari Khamis jam 1.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.46 petang.